

Alam sekitar berdepan krisis serius: Profesor

KOTA KINABALU: Kebelakangan ini, cadangan membina loji tenaga arang batu di Lahad Datu, Sabah telah menimbulkan perdebatan hangat di kalangan semua lapisan masyarakat terutamanya badan bukan kerajaan.

Bagaimanapun, pendekatan sehalu - dalam terma yang rigid 'ya' atau 'tidak', tidak menampakkan sebarang jalan keluar bagi mengimbangi pemuliharaan alam sekitar dan permintaan tenaga. Pada September lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengenalpasti Felda Sahabat di Lahad Datu sebagai tapak cadangan bagi pembinaan loji tenaga berkuasa 300 megawatt.

Kumpulan alam sekitar telah membantah pembinaan loji itu yang disifatkan mereka sebagai tenaga "kotor" dan menggesa kerajaan untuk membatalkan rancangan itu.

"Isu yang sentiasa dikesampingkan dalam perbincangan ini ialah keperluan tanggapan di peringkat masyarakat, dan ia bagaimanapun, berfungsi untuk meningkatkan profil kesedaran dan perbincangan alam sekitar," kata Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Saleem Mustafa kepada Bernama, di sini Selasa.

Beliau berkata semua orang sepatutnya menerima hakikat bahawa alam sekitar berada dalam krisis yang serius dan bukan sahaja kerajaan.

Beliau berkata setiap orang perlu memainkan peranan untuk berdepan dengan situasi yang berkembang berhubung dengan perubahan iklim sambil menambah bahawa masyarakat yang bertanggungjawab dan tidak berprangangka perlu berkongsi beban bagi mengurangkan kadar perubahan iklim dan memerangi pemanasan global sebagai "tanggungjawab kita bersama," katanya.

Saleem berkata amaran saintifik dan liputan meluas media nampaknya tidak diindahkan.

Ini dapat disaksikan dengan pengeluaran asap hitam dari kenderaan masih berterusan; penggunaan jumlah air bersih yang begitu banyak semasa mencuci kenderaan dan penggunaan beg plastik dalam perniagaan serbaneka; dan pembakaran produk kayu terbuang dan pembuangan sampah.

Saleem berkata ini menggambarkan keengganan untuk menukar gaya hidup kerana orang ramai selesa melakukan apa yang biasa mereka lakukan.

"Ia merupakan satu perkara yang biasa dilakukan. Apa yang diperlukan ialah penyesuaian kepada perubahan iklim. Apabila permintaan terhadap bekalan tenaga meningkat, orang ramai tidak cenderung untuk mengubah cara hidup bagi menghadapi kekurangan bekalan tenaga.

Saleem menyenaraikan beberapa sumber tenaga yang diperbaharui seperti tenaga lautan, tenaga geoterma dan hidrogen, tenaga angin, tenaga bio-mass, tenaga nuklear, tenaga solar dan tenaga hidro.

Beliau berkata tenaga lautan, tenaga geoterma dan hidrogen merupakan sumber tenaga berpotensi pada masa depan.

Sebaliknya, sumber utama bagi kebanyakan tenaga solar dunia ialah matahari dan menjana elektrik dari radiasi solar tidak akan mengurangkan sumber semulajadi alam.

Katanya arang batu, tanpa ragu-ragu, merupakan sumber terbesar menggantikan minyak bagi menjana elektrik di seluruh dunia dan begitu juga sumber utama pelepasan karbon dioksida yang menyumbang kepada perubahan iklim.

Bagaimanapun, Saleem berkata apa yang dikatakan sebagai teknologi "arang batu bersih" tidak bebas daripada pelepasan asap dan oleh itu tidak bersih secara keseluruhannya.